

SH 7/9/2019 m/s 36

## Ribuan ikan mati akibat kurang oksigen



Ribuan ikan yang mati akibat kekurangan oksigen.

**JOHOR BAHRU** - Ribuan ikan ditemui mati dan terapung di tali air berhampiran Hospital Sultanah Aminah (HSA) disyaki akibat kekurangan oksigen.

Exco Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar, Tan Chen Choon berkata, ia merupakan kes kedua selepas kejadian di Pantai Lido bulan lepas.

“Tinjauan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan Johor Bahru di lokasi mendapati bacaan *in-situ* mencatatkan paras oksigen terlarut terlalu rendah iaitu 1.22 ppm hingga menyebabkan kematian tersebut.

“Saya memandang serius aduan ini dan sebagai rekod,

penemuan ini yang kedua selepas kejadian serupa di Pantai Lido pada 28 Ogos lalu,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sebelum ini seorang pemilik akaun Facebook memuat naik gambar dan video yang menunjukkan longgokan ikan terapung dan menurut keterangan yang dikongsi keadaan di situ berbau busuk.

Dalam pada itu, Chen Choon berkata, pihaknya percaya kematian ikan itu berpunca daripada faktor cuaca dan gangguan sistem pengaliran.

“Dapatan awal ini tidak menemukan sebarang sumber industri yang boleh dikaitkan sebagai punca kejadian,” katanya.